



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**MESYUARAT TERTINGGI
MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGARA (MT MSDN)
BILANGAN 1 TAHUN 2026**

**Mesyuarat Tertinggi Majlis Statistik dan Data Negara Pacu
Pengukuhan Ekosistem Statistik dan Data Negara Melalui
Penyelarasan dan Integrasi Data yang Berkesan**

PUTRAJAYA, 18 JUN 2026 – Mesyuarat Tertinggi Majlis Statistik dan Data Negara (MT MSDN) Bilangan 1 Tahun 2026 telah dipengerusikan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis Statistik dan Data Negara, yang berlangsung di Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), hari ini.

Mesyuarat ini dihadiri oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya; YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah, Timbalan Menteri Ekonomi; YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Kesihatan; YB Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Komunikasi; YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Timbalan Menteri Digital; YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam; YBhg. Datuk Seri Nor Azmie Diron, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi; YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan; serta pengurusan tertinggi kementerian dan agensi yang berkaitan.

MT MSDN merupakan badan penasihat tertinggi negara yang berperanan menyediakan panduan strategik dan hala tuju dalam memperkukuh tadbir urus Sistem Statistik Negara serta pembangunan ekosistem data negara. Peranan ini semakin penting dalam landskap pembangunan semasa yang menuntut keputusan Kerajaan dibuat secara lebih pantas, tepat dan berasaskan bukti, khususnya dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang menekankan pembangunan berteraskan data, teknologi dan inovasi.

MSDN turut memastikan statistik dan data yang dihasilkan sentiasa relevan dengan keperluan negara serta memberi manfaat langsung kepada rakyat

melalui penggubalan dasar dan pelaksanaan program yang lebih bersasar. Bagi memperluas pelaksanaan agenda statistik dan data di peringkat negeri dan daerah, Majlis Statistik dan Data Negeri/Wilayah (MSDNgW) serta Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) terus diperkasakan sebagai platform penyelarasan data setempat bagi menyokong kesejahteraan rakyat, pembangunan sosioekonomi dan kemakmuran negara.

Mesyuarat pada hari ini telah mempertimbangkan enam (6) kertas strategik yang signifikan, meliputi penyeragaman piawaian statistik rasmi negara, pengukuhan tadbir urus data, integrasi data pentadbiran, pembangunan pangkalan data bakat sains, teknologi dan inovasi, pemerkasaan data nasional bagi pembangunan belia serta pengurusan data aset jalan negara.

Keputusan mesyuarat ini mencerminkan iltizam berterusan Kerajaan untuk menjadikan MT MSDN sebagai pemangkin kepada pengukuhan dan pengintegrasian ekosistem statistik dan data negara dalam mendepani cabaran ekonomi semasa yang semakin kompleks dan dinamik. Penekanan ini meliputi pemantapan pemakaian piawaian, manual dan garis panduan dalam penghasilan statistik rasmi, peluasan integrasi data pentadbiran antara agensi, serta pembangunan pangkalan data strategik negara bagi menyokong penggubalan dasar dan pelaksanaan program yang lebih tepat, telus, berkesan dan berakauntabiliti.

Malaysia kini berada di ambang peralihan ke arah negara berpendapatan tinggi yang menuntut keupayaan pengurusan data yang lebih strategik, tepat dan bersepadu. Sehubungan dengan itu, MT MSDN menjadi landasan penting ke arah pengukuhan kerangka institusi, peraturan dan pelaksanaan agar sistem statistik negara terus mantap, diyakini dan selaras dengan piawaian antarabangsa serta realiti ekonomi semasa. Penetapan sasaran, pemantauan kemajuan dan penilaian tahap pencapaian negara berpendapatan tinggi perlu disokong oleh statistik dan data yang sahih supaya setiap keputusan dasar dapat dibuat secara lebih responsif, berimpak tinggi dan mampan. Selaras dengan usaha memperkukuh ekosistem statistik dan data negara, keperluan penambahbaikan kerangka institusi dan peraturan akan terus diteliti bagi meningkatkan koordinasi, integrasi serta perkongsian data antara agensi Kerajaan.

Melangkah ke hadapan, MSDN akan terus diperkasakan sebagai platform strategik negara dalam menyokong dasar yang memperluas dan mempergiat penggunaan data pentadbiran secara lebih meluas, tersusun dan bersepadu merentas kementerian, agensi, negeri dan daerah. Usaha ini penting bagi memastikan data pentadbiran dapat dimanfaatkan secara optimum sebagai pelengkap kepada statistik rasmi negara, seterusnya memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, mempercepat proses membuat keputusan dan meningkatkan keberkesanan intervensi dasar demi kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
18 JUN 2026